

**MAKLUMAT AKTIVITI YANG DIJALANKAN
DI FAKULTI KEJURUTERAAN, UNIMAS
TAHUN 2017**

1.	Majlis/Aktiviti/Persidangan / Bengkel/Seminar/Lawatan	:	Program Explore Bidayuh Sadong Culture
2.	Jabatan/Program	:	Terbuka kepada semua pelajar – pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
3.	Tarikh Aktiviti & Tempat:	:	1 – 3 Disember 2017 / Kampung Bunan Gega, Mongkos, Serian.
4.	Pegawai yang menyediakan maklumat	:	Dr. Nazeri Abdul Rahman, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
5.	Ringkasan penerangan aktiviti yang dijalankan (Tidak melebihi 50 patah perkataan)	:	Pihak Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan (SAFE) Unimas sesi 2017/2018 telah menganjurkan satu aktiviti sukarelawan yang bertempat di Kampung Bunan Gega, Mongkos, Serian selama 3 hari 2 malam iaitu pada 1 sehingga 3 Disember 2017 yang lalu. Seramai 76 pelajar dari Unimas termasuk Ahli Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan (SAFE) dan seorang pensyarah pengiring iaitu Dr Nazeri Abdul Rahman merangkap Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti Kejuruteraan telah melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan tersebut. Program yang bertemakan “volunteering and explore” ini telah disertai oleh pelajar – pelajar dari tahun satu hingga empat dari beberapa Fakulti di UNIMAS. Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan bersama dengan para peserta dan juga penduduk – penduduk di Kampung Bunan Gega. Kesemua aktiviti seperti yang dirancang telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Melalui aktiviti sukarelawan seperti ini, para mahasiswa dan mahasiswi UNIMAS mampu memupuk semangat bekerjasama dalam kalangan mereka dan sekaligus dapat mengeratkan hubungan dengan orang luar iaitu dengan para penduduk di Kampung Bunan Gega. Dengan ini juga mereka akan mampu menanam sikap hormat dan sayang kepada golongan masyarakat tanpa mengira agama, bangsa dan usia. Secara keseluruhan, objektif program ini telah berjaya dicapai.

	<p>Berikut merupakan rumusan sepanjang program tersebut dijalankan:</p> <p>1 Disember 2017(Jumaat) – Seramai 76 peserta sukarelawan dari Unimas telah bertolak ke Kampung Bunan Gega lebih kurang pada pukul 2.30 petang menggunakan 2 buah bas dari Unimas. Perjalanan mengambil masa dalam 2 jam untuk sampai ke Kampung Bunan Gega. Aktiviti yang dilakukan para hari yang pertama ialah ice – breaking di antara para peserta. Tujuan aktiviti ini dilaksanakan adalah untuk mengenali di antara satu sama lain sebelum bekerjasama untuk melaksanakan aktiviti sukarelawan bersama dengan penduduk di Kampung Bunan Gega.</p> <p>2 Disember 2017(Sabtu) – Pada waktu pagi, seramai 25 orang golongan belia dari Kampung Bunan Gega datang ke balai raya untuk bersama – sama mempelajari satu kaedah yang mereka boleh gunakan sebagai salah satu cara untuk belajar iaitu kemahiran membuat peta minda. Dr Nazeri telah memberi ceramah mengenai teknik – teknik yang betul dan efektif untuk membuat peta minda tersebut sebelum diserahkan kepada para pelajar dari Unimas untuk menunjukkan cara kepada adik – adik di dalam kumpulan. Pada masa yang sama sebahagian dari peserta telah pergi bersama – sama dengan penduduk kampung mencari buluh untuk tujuan memasak ayam pansuh sebagai hidangan tengahari.</p> <p>Pada sebelah petang, para peserta telah melakukan aktiviti dalam kumpulan iaitu mencari idea untuk mempertingkatkan produktiviti dan cara – cara menaik tarafkan lagi kampung tersebut pada masa hadapan. Setiap idea yang telah dibincangkan akan dibentangkan dihadapan ketua kampung dan penduduk kampung yang lain.</p> <p>Pada sebelah malam pula, para peserta menjalankan aktiviti BBQ bersama dengan penduduk kampung. Aktiviti BBQ tersebut dijalankan oleh para peserta dan penduduk kampung juga turut serta menjamu selera. Selepas itu, penduduk kampung mempersembahkan tarian budaya mereka iaitu persembahan Tarian Ngajat Bidayuh Sadong. Dengan ini, hubungan sesama para peserta dan penduduk kampung dapat lebih dieratkan serta mewujudkan suasana harmoni di kampung tersebut.</p> <p>3 Disember 2017 (Ahad)- Pada waktu pagi, aktiviti gotong royong telah dijalankan oleh para peserta. Antara kawasan yang dibersihkan iaitu rumah budaya termasuk di dalam, dapur, bawah balai raya dan kawasan halaman balai raya tersebut serta di kawasan sungai. Selepas</p>
--	---

		<p>itu, pembentangan meningkatkan produktiviti Kampung Bunan Gega dijalankan oleh para peserta kepada ketua kampung. Setiap pertembangan tersebut keseluruhannya memuaskan hati ketua kampung. Kemudian, sesi perkongsian disampaikan oleh ketua kampung dan juga daripada wakil pihak UNIMAS iaitu Dr. Nazeri Abdul Rahman. Keseluruhannya, program ini berjaya dijalankan dengan lancar dan jayanya dan objektif program tersebut tercapai.</p> <p>Tepat pada jam 12 tengahari, para peserta bertolak pulang dan berhenti di Serian untuk makan tengahari. Peserta selamat tiba di UNIMAS pada jam 3 petang.</p>
--	--	--

8. Gambar

: Hari Pertama: Sesi Ice – breaking





Hari Kedua : Mind – mapping



Mind – mapping dalam kumpulan dilakukan oleh para peserta dari Unimas.



Sebahagian dari peserta mencari buluh dan memasak masakan tradisional bidayuh iaitu ayam pansuh.







Antara peserta yang terpilih untuk menari tarian tradisional bidayuh



Aktiviti BBQ.



Hari Ketiga : Gotong – royong di kawasan halaman balai raya dan sungai.





Pembentangan mengenai perkara yang boleh dinaik taraf di kawasan kampung pada masa hadapan.



Penyampaian plak penghargaan dari pihak Unimas dan sedikit cenderahati kepada ketua kampung Bunan Gega iaitu Encik Albert Anak Andrew Muha daripada wakil Fakulti Kejuruteraan UNIMAS Dr Nazeri Abdul Rahman merangkap Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.







